



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Azman Hashim
International Business School

EXTRA-CURRICULAR EXPERIENTIAL LEARNING

UKQE 3001 – 04

ASSIGNMENT 1: LAPORAN REFLEKSI

AKTIVITI 1: SENTUHAN KASIH SYAWAL @ PUSAT JAGAAN

SITI NORAINI, KAJANG SELANGOR

DISEMAK OLEH: Dr. SYAHARIZATUL NOORIZWAN

DISEDIAKAN OLEH:

- ANIS IRYANY BINTI AFFENDI
- B19BS0003
- MANAGEMENT OF TECHNOLOGY (3 SBSD)
- AZMAN HASHIM INTERNATIONAL BUSINESS SCHOOL

1.0 PELAPORAN (REPORTING)



Poster 1

Program Sentuhan Kasih Syawal ini diadakan pada 29 Julai 2017 di Pusat Jagaan Siti Noraini beralamat No.23 Jalan Maju 2, Taman Maju Semenyih 43000, Kajang Selangor. Program ini saya sertai sewaktu saya mengambil Diploma jurusan Pengurusan Teknologi (Technology Management) di Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur. Program Sentuhan Kasih Syawal ini dijalankan oleh kelab Budi Penyayang UKQR 2022 dimana di bawah subjek kokurikulum sewaktu saya semester 3. Program ini juga bekerjasama dengan dua badan NGO iaitu Usrah Santai dan Hakhada.

Usrah Santai adalah satu badan kebajikan dimana memberi peluang kepada orang ramai untuk berubah dan mendekati Islam tanpa mengira umur, warna kulit, bangsa dan agama. Dengan pelbagai aktiviti berbentuk usrah iaitu perbincangan dalam aplikasi whatsapp dimana dapat mengeratkan lagi ukhwah sesama sendiri dan dapat mengisi masa dan mendalami ilmu Islam dengan suasana santai dan tenang. Selain itu, Usrah Santai ini juga dapat memberi pendedahan kepada komuniti atau orang luar tentang ilmu Aqidah, Sirah, Fiqh dan sebagainya.

Manakala Hakhada pula satu badan kesukarelawan yang bermaksud Hamba, KHALifah dan DAie. Maka terbentuklah satu NGO yang bernama Hakhada. Hakhada membawa angka 1435 sebagai simbolik pada tahun hijrah. Hakhada ditubuhkan untuk membantu golongan muda dan remaja dengan memberi inspirasi tentang hamba, khalifah dan daie untuk menyebarkan dakwah dan kebaikan melalui sosial media.

Jadi, dua badan NGO ini turut membantu dan memberi kerjasama untuk menjayakan program Sentuhan Kasih Syawal ini. Seramai 29 orang pelajar menyertai program ini termasuk diri saya sendiri. Program ini bermula pada pukul 7.30 pagi sehingga 4.00 petang. Pusat Jagaan Siti Noraini mempunyai 41 orang warga emas serta jumlah peserta yang terlibat terdiri daripada 7 orang penjaga Pusat Jagaan Siti Noraini, 2 orang pensyarah dan 2 orang wakil NGO.

Setibanya kami di Pusat Jagaan Siti Noraini, saya melihat warga emas di sana. Mereka memandang kami dengan wajah yang sayu seolah berharap akan anak mereka yang hadir untuk melawat mereka. Ada yang riak wajahnya seolah tidak menerima kedatangan kami, ada yang gembira, ada yang sedih. Kemudian, pengurusan pusat jagaan memberi sedikit penerangan dan peraturan semasa di sana. Selain itu sebelum kami tiba di pusat jagaan, kami juga diberi taklimat tentang tata tertib yang perlu dijaga sewaktu disana.

Antara tata tertib yang kami perlu jaga adalah, percakapan, tingkah laku, adab dan lain-lain. Selepas selesai penerangan yang diberikan oleh pengurus pusat jagaan. Kami dibahagikan kepada 3 kumpulan iaitu gotong-royong, memasak dan menolong penjaga pusat untuk memberi makan dan tolong apa yang patut kepada warga emas. Saya berada dikumpulan melakukan gotong-royong dimana membersihkan Pusat Jagaan Siti Noraini.

2.0 TINDAK BALAS (RESPONDING)



Gambar 1



Gambar 2

Program Sentuhan Kasih Syawal ini adalah program khidmat masyarakat pertama yang pernah saya sertai. Perasaan saya sewaktu hendak sertai program ini adalah teruja, gembira dan tidak sabar untuk melakukan aktiviti khidmat masyarakat ini kerana saya sudah lama ingin menyertai program seperti ini tetapi tidak tahu hendak mula dari mana. Disebabkan itu, saya mengambil subjek kokurikulum Budi Penyayang yang ditawarkan oleh UTM KL waktu itu kerana ingin menyertai program khidmat masyarakat ini sekaligus mendapat pengalaman dan kenangan menyertai program khidmat masyarakat ini.

Apa yang saya perolehi dari program sentuhan kasih syawal ini adalah, program yang dapat memberi impak dalam diri saya sendiri. Setibanya di sana, ramai warga emas yang menetap di sana. Ada yang ditinggalkan, ada yang anak mereka kesibukan bekerja jadi anaknya meletak di pusat jagaan dan akan datang melawat setiap minggu, ada yang sukarela untuk menetap di pusat jagaan kerana ingin berkawan dan sebagainya.

Setelah diagihkan tugas mengikut kumpulan, saya berada dalam kumpulan gotong-royong. Pusat Jagaan Siti Noraini mempunyai dua tingkat, dan saya bersama rakan yang lain

membersihkan bahagian atas. Kami menyapu, mengemop lantai, menukar cadar dan sebagainya. Peralatan untuk membersihkan disediakan oleh kelab Budi Penyayang sendiri. Setelah selesai membersihkan bahagian atas pusat jagaan, kami meluangkan masa bersama warga emas. Kami bermain congkak, meluangkan masa dengan berbual untuk menceriakan warga emas dan suasana di sana. Saya pula bermain congkak bersama seorang warga emas india di gambar nombor 2 dan meluangkan masa berbual dengan warga emas di gambar nombor 1.

Selepas saya selesai bermain congkak bersama dengan warga emas di gambar nombor 1, saya ternampak seorang warga emas duduk dikatil memerhati kami. Jadi saya pergi ke warga emas tersebut untuk berbual bersama. Sebelum itu, pengurus pusat jagaan ada memesan apabila kita mahu berbual bersama warga emas, pastikan tidak berbual tentang keluarga contoh bertanyakan tentang anak mereka, tentang isteri mereka dan sebagainya, tidak bertanyakan tentang kisah silam mereka dan tidak bertanya tentang mengapa mereka menetap di pusat jagaan melainkan mereka sendiri yang cerita sendiri tentang kehidupan mereka. Pertanyaan tersebut boleh menimbulkan rasa sedih, memberontak, marah terhadap warga emas kerana ia melibatkan perasaan mereka.

Apabila saya mendekati warga emas itu, dia menyambut saya dengan senyuman. Lalu saya bertanya kepada pakcik dengan senyuman “Assalamualaikum pakcik, pakcik dah makan?” lalu pakcik itu membalas “Waalaikumsalam nak, alhamdulillah pakcik dah makan” jawabnya dengan penuh ceria. Pakcik itu memanggil saya dengan panggilan “nak” bermaksud “anak”. Kami pun berbual dengan penuh gelak tawa. Tiba-tiba pakcik menghulurkan sesuatu dekat saya “Nak, cuba tengok telefon bimbit pakcik ni rosak ke?” sambil menghulur telefon bimbitnya ke saya. Saya memeriksa telefon bimbit tersebut lalu memberitahunya “Tidak la pakcik, telefon bimbit pakcik ni masih elok. Kenapa tu pakcik?” tanya saya kepada pakcik itu. Pakcik itu kelihatan riak wajahnya nampak sedih. “Pakcik ada anak belajar luar negara. Anak pakcik selalu telefon pakcik tanya

pakcik dah makan ke belum, pakcik sihat ke tidak. Ada satu hari tu, anak pakcik kata yang dia tidak dapat telefon pakcik selalu kerana caj agak mahal memandangkan anak pakcik di luar negara. Anak pakcik sudah berjanji nak bawa pakcik tinggal dengan dia nanti. Lama kelamaan, anak pakcik sudah jarang telefon pakcik. Ini dah 5 tahun pakcik tunggu dia telefon, kenapa dia tak telefon pakcik nak? Pakcik rindu dia..” lalu pakcik itu terus menangis teresak-esak sambil bertanya mana anaknya. Saya sewaktu itu, tidak dapat menahan sebak, turut menangis tetapi membelakangi pakcik itu. Sewaktu itu saya berfikir tentang kedua ibu bapa saya dirumah. Saya tidak sanggup buat mereka seperti itu. Tinggalkan mereka di pusat jagaan. Ibu bapa boleh membesarkan anak dengan sempurna, mengapa anak sukar untuk menjaga orang tuanya dengan baik. Di situ, kelihatan seorang anak gagal untuk menjaga orang tuanya. Pakcik yang saya berbual itu adalah di gambar nombor 1.

3.0 KAITAN (RELATING)



Gambar 3



Gambar 4

Program Sentuhan Kasih Syawal ini banyak memberi kesan dan impak dalam diri saya sendiri. Saya dapati, program ini dapat mengeratkan lagi ukhwh sesama kita tidak kira melayu, cina, india dan bangsa lain. Saya tidak pernah menyertai program khidmat masyarakat dan ini pertama kali saya sertai. Saya berasa teruja dan gembira kerana berpeluang untuk membantu dan berkhidmat pada masyarakat. Selain itu, program Sentuhan Kasih Syawal ini mengingatkan saya tentang kedua ibu-bapa saya di rumah dan apabila mereka sudah lanjut usia nanti.

Banyak yang saya pelajari apabila menyertai program Sentuhan Kasih Syawal ini. Bukan sahaja mengenai nilai sivik dan kewarganegaraan tetapi juga merealisasikan apa yang kita sanggup buat pada masa hadapan untuk memimpinkan masyarakat menyedari kepentingan diri untuk mengambil tanggungjawab kemasyarakatan secara praktikal pada mana-mana sahaja dan bila-bila sahaja. Misalnya, masyarakat mampu menjaga ibu bapa sendiri dan juga memberi sumbangan kepada aktiviti khidmat masyarakat supaya dunia ini merangkumi amalan kasih-sayang antara satu sama lain. Apa yang saya boleh buat adalah daripada diri saya sendiri sebagai contoh untuk mengambil tanggungjawab untuk menjaga ayah dan keluarga kita dengan prihatin dan juga berniat

untuk aktif dalam menjalankan khidmat komuniti masyarakat pada masa yang akan datang. Selain itu, daripada aktiviti komuniti, saya dapat mencungkil bakat diri sendiri yang saya belum dapat kenalpasti iaitu nilai-nilai diri dan juga kemampuan mengendalikan masalah.

Seterusnya, saya berjaya menunaikan tanggungjawab sosial terhadap warga tua di Pusat Jagaan Siti Noraini. Saya dapat membantu meringankan beban mereka menerusi khidmat makanan, layanan, dan jagaan. Malah, saya dapat berkomunikasi dengan warga emas di sana untuk menyelami isi hati mereka dan mengetahui pendapat mereka apabila program seperti ini dijalankan. Menariknya, menerusi perbualan ini, saya dapat manfaat dimana warga emas tersebut turut memberi cadangan bagi penambahbaikan program seperti ini. Selain itu, saya dapat mendengar luahan hati mereka sekaligus dapat meringkan beban mereka dengan bercerita tentang perasaan dan masalah yang mereka hadapi.

Malah, menerusi program Sentuhan Kasih Syawal ini saya dapat mempelajari dan menyemarakkan semangat kerjasama sesama sendiri menerusi program ini. Kami saling bantu membantu sesama ahli bagi menyiapkan tugas untuk program ini tanpa mengambil peduli sama ada ahli tersebut dari tugas biro lain asalkan kami memperoleh manfaat kerjasama itu bersama. Semua ahli kelab Budi Penyayang memberi komitmen 100% untuk hadir ke setiap perjumpaan bagi memastikan program ini berjalan dengan lancar. Di samping itu, semangat kerjasama ini juga dapat dilihat sepanjang berada di Pusat Jagaan Siti Noraini, kami bantu sesama sendiri bagi memudahkan segala urusan. Melalui kerjasama ini juga, dapat mengeratkan ukhwah sesama sendiri dan program Sentuhan Kasih Syawal ini berjalan dengan lancar.

4.0 SITUASI DAN PERANAN (REASONING)



Gambar 5

Program Sentuhan Kasih Syawal ini banyak memberi kepentingan kepada diri saya dan yang lain. Semestinya program ini banyak memberi impak. Saya sebagai pelajar dan juga anak yang mempunyai kedua ibu-bapa menyedari akan kepentingan dan tanggungjawab kita terhadap kedua ibu-bapa.

Bagi saya, ia dapat melahirkan kerjasama yang bersepadu diantara setiap ahli sukarelawan yang terlibat bagi menjayakan program ini. Kerjasama yang dilahirkan sangat penting dan telah menyumbang kepada kejayaan program ini serta ia diibaratkan seperti kata pepatah, “bagai aur dengan tebing”.

Selain itu, program Sentuhan Kasih Syawal ini mengajar saya tentang sikap keprihatinan kepada warga emas. menerusi program Sentuhan Kasih Syawal ini juga dapat memberi kesan terhadap diri saya dimana saya lebih menghargai kedua ibu-bapa saya. Mereka banyak mendidik dan membesarkan saya dengan sempurna. Jadi dari program ini, saya sedar peranan saya sebagai anak apabila meningkat dewasa. Menjaga kedua ibu bapa kita dengan sempurna seperti mana mereka menjaga dan membesarkan kita.

5.0 MEMBINA SEMULA (RECONSTRUCTING)



Gambar 6

Akhir sekali, bagi penutup program Sentuhan Kasih Syawal ini kami mengadakan sesi post-mortem dimana kami ingin mendengar maklum balas dari ahli yang lain berkenaan dengan program ini. Cadangan penambahbaikan bagi program khidmat masyarakat yang boleh dipraktikkan adalah mengharapkan bahawa perancangan dalam memastikan tentatif program berjalan dengan lancar seharusnya dititikberatkan oleh setiap ahli jawatankuasa bagi mengelakkan ketidak-lancaran sepanjang program-program akan datang dijalankan. Selain itu, setiap ahli perlulah memberikan komitmen dan penglibatan secara menyeluruh dalam program pada masa akan datang. Hal demikian perlulah dilakukan kerana persefahaman antara ahli-ahli kelab budi penayang ini sedikit sebanyak dapat meningkatkan mutu kerjasama dalam menjalankan program-program yang seterusnya.

Cadangan penambahbaikan seterusnya adalah berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan ketika program ini berlangsung. Aktiviti yang ingin dipilih perlulah diperbanyakkan lagi agar boleh memupuk dan mengeratkan lagi hubungan antara ahli dengan ahli serta hubungan antara ahli dengan pihak lain yang terlibat di dalam program tersebut. Aktiviti yang ingin disediakan seharusnya dipilih berdasarkan kesesuaian umur dan juga situasi program yang dijalankan.

Kesimpulannya, program Sentuhan Kasih Syawal ini dapat memberikan saya sedikit input yang berguna dalam memahami sifat-sifat warga emas dan ibu-bapa dengan lebih mendalam dan saya juga mendapat pengetahuan tambahan tentang cara dalam menguruskan warga emas yang mengalami masalah kesihatan. Akhir sekali, menerusi program Sentuhan Kasih Syawal ini juga dapat memberi kesan terhadap diri saya dimana saya lebih menghargai kedua ibu-bapa saya. Mereka banyak mendidik dan membesarkan saya dengan sempurna. Jadi dari program ini, saya sedar peranan saya sebagai anak apabila meningkat dewasa. Menjaga kedua ibu bapa kita dengan sempurna seperti mana mereka menjaga dan membesarkan kita.